

Di mana silap pembantu rumah lari

PERHATIAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad terhadap isu pembantu rumah warga asing yang bermasalah bagaikan cetusan rasa mewakili beribu-ribu majikan yang tidak tahu di mana untuk meluahkan masalah.

Realiti hari ini menyaksikan ramai isteri atau ibu bekerja sehingga menjadikan keperluan kepada pembantu rumah sangat mendesak dan majikan sanggup membayar kepada ejen pembantu rumah setinggi RM6,000 untuk seorang pembantu rumah asing.

Hakikatnya, bayaran yang lumayan itu belum tentu menjamin majikan akan mendapat pembantu yang baik, jujur, pandai membuat kerja atau bijak dalam urusan rumah tangga, bahkan ada yang langsung tidak tahu berbahasa Melayu, apatah lagi menggunakan perkakasan elektrik yang sudah biasa digunakan dalam setiap rumah seperti periuk nasi dan sebagainya.

Selebihnya, majikan berisiko menghadapi pembantu rumah yang lari. Mereka mungkin tidak serasi dengan majikan, tidak minat bekerja sebagai pembantu rumah, tetapi terpaksa berhijrah kerana sesuap nasi, akibatnya tidak tahan dan

melarikan diri, itu tidak termasuk pembantu yang menjalinkan hubungan intim dengan mana-mana lelaki di dalam rumah majikan.

Buktinya, menurut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, secara purata sebanyak 1,200 pembantu rumah warga asing melarikan diri daripada majikan setiap bulan dan ia merupakan satu angka yang amat besar.

Mana mereka pergi tanpa pengenalan diri dan berapa banyak wang yang dibayar kepada ejen tanpa majikan mendapat apa-apa? Adalah tidak adil jika hanya majikan dikenakan tindakan manakala ejen pekerja asing terlepas.

Masalahnya, apabila pembantu rumah lari dari rumah, majikan terpaksa mengambil pembantu rumah baru dan membuat bayaran yang lain. Tidakkah ini menyusahkan dan tidak berbaloi sekiranya setelah tiga hari bekerja, mereka sudah melarikan diri, apa yang majikan dapat dengan wang RM6,000 yang dilaburkan?

Kedengarannya sangat menyakitkan hati dan perasaan, apatah lagi majikan di negara ini memang berharap kepada pembantu asing untuk menjaga anak-anak sewaktu bekerja.

Hendak dimarah, risau anak yang menjadi mangsa, hendak diberi muka, takut pula kalau-kalau naik kepala, sudahnya majikan memendam rasa, mungkin bertahun-tahun lamanya.

Hasrat kerajaan untuk mengenakan tindakan tegas terhadap ejen pembantu rumah warga asing sekiranya pembantu rumah melarikan diri daripada majikan mereka sebelum tamat kontrak perkhidmatan merupakan satu langkah selamat untuk banyak pihak.

Salah satunya, ejen akan membekalkan pekerja yang benar-benar bertanggungjawab dan bukannya sekadar 'manusia'. Ejen juga akan memastikan 'produk' yang dijual adalah berkualiti dan mencapai maksud dan tujuan khidmat yang dibayar supaya tidak timbul masalah pekerja tidak berminat atau majikan tidak berpuas hati. Kebetulan pula, banyak juga ejen pembantu rumah asing yang tidak sah.

Negara juga tidak akan menghadapi masalah pendatang asing yang datang dengan izin tetapi kemudiannya bebas lepas tanpa pengenalan diri kerana pasport dan dokumen dipegang majikan. Warga asing yang sebegini tidak layak untuk meraih rezeki di negara ini secara

haram dan menutup pintu rezeki orang lain.

Ancaman jenayah juga mungkin berlautan kerana warga asing yang tiada pengenalan diri akibat lari daripada majikan akan sanggup berbuat apa sahaja untuk menyambung hidup, mungkin berkhidmat secara haram di rumah-rumah urut, pusat hiburan dan sebagainya.

Alangkah baiknya jika wanita tempatan sanggup menjadi pembantu rumah dan mengubah persepsi masyarakat bahawa kerjaya yang tercorot mengikut profesionalisma kerana tugas rumah tangga membantu seorang wanita yang juga isteri dan ibu adalah tugas yang mulia.

Majikan tentu tidak berkira untuk membayar RM450 - RM500 sebulan gaji daripada membayar ejen dengan jumlah yang besar dan pembantu rumah hilang!

Kalaulah ada ejen pembantu rumah tempatan, saya percaya bakal majikan terpaksa menunggu berbulan-bulan untuk mendapatkan bekalan kerana terlalu banyak permintaan.

- NIK SALIDA SUHAILA
NIK SALEH,
Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM), Nilai.